

**Hanya 0.3 Peratus Berstatus Pengundi Meragukan - SPR
Bernama
16 April , 2012**

KUALA LUMPUR, 16 April (Bernama) -- Hanya 42,000 atau 0.3 peratus daripada 12.6 juta pemilih yang layak mengundi diklasifikasikan sebagai pengundi yang meragukan setelah rekod mereka didapati meragukan oleh Jabatan Pendaftaran Negara (JPN).

Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Tan Sri Abdul Aziz Mohd Yusof berkata SPR melakukan proses pembersihan daftar pemilih secara berterusan pada setiap hari dan ia telah diterangkan kepada anggota Parlimen semasa mempengerusikan sesi taklimat pertama di antara SPR dan anggota Parlimen hari ini.

"Hanya jumlah peratusan yang kecil sahaja merupakan pengundi meragukan jadi kita tidak boleh mengatakan SPR tidak telus dalam menjalankan tugas.

"Saya berani bagi jaminan bahawa negara kita adalah antara negara yang bersih dalam melaksanakan proses pembersihan daftar pemilih ini," katanya kepada pemberita di Parlimen di sini.

Abdul Aziz juga berulang kali menegaskan pada sidang akhbar itu bahawa suruhanjaya itu telah melakukan yang terbaik bagi memastikan daftar pemilih bebas daripada sebarang percanggahan maklumat.

"Kita perlu berlaku adil dengan SPR, jangan hanya menjadikan jumlah 0.3 peratus itu sebagai satu kesimpulan mengatakan SPR itu kotor.

"SPR tidak ada kuasa untuk mengeluarkan nama pengundi daripada daftar tanpa pengesahan yang betul kerana 'EC's hands are tied' dan 'we cannot simply change people's name, we cannot simply change people's address,'" katanya.

Abdul Aziz juga pada masa yang sama kesal dengan pendirian Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil (Bersih) yang mahu meneruskan perhimpunan dan menjadikan SPR sebagai sasaran kononnya suruhanjaya itu tidak telus dalam menjalankan tugas.

Taklimat pertama antara SPR dan anggota Parlimen bertujuan memberi penjelasan kepada anggota Parlimen beberapa perkara menyentuh daftar pemilih yang dibangkitkan di Dewan Rakyat dua minggu lepas.

Abdul Aziz berkata SPR mengalu-alukan anggota Parlimen tampil bersemuka bersama SPR sekiranya mempunyai isu-isu berbangkit di masa akan datang kerana perjumpaan seumpama itu dapat memberi penjelasan lebih mendalam.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=659464>

